

16 AUG 1997

Mahathir-Lapangan terbang

LAPANGAN TERBANG BAYAN LEPAS AKAN DIKEKALKAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di Pulau Pinang akan dikekalkan, manakala lapangan terbang antarabangsa kawasan utara (NRRIA) yang akan dibina di Kedah akan digunakan untuk negeri itu dan juga negeri-negeri lain di kawasan utara.

"Ia adalah lapangan terbang Pulau Pinang-Kedah dan Pulau Pinang akan terlibat dalam pembinaan lapangan terbang itu," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan ke-26 Gerakan di sini.

Perdana Menteri berkata perkara itu apabila ditanya sama ada dari segi ekonomi ia adalah berdaya maju untuk membina lapangan terbang baru itu. NRRIA akan dibina di atas sebuah pulau buatan manusia di pesisir pantai Kuala Muda, Kedah, kira-kira 30 kilometer ke timur laut Pulau Pinang.

Dr Mahathir berkata Khamis lepas di Jitra bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas mungkin ditutup jika ia tidak diperlukan lagi.

Dr Mahathir berkata para pelabur di Pulau Pinang masih memerlukan perkhidmatan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas.

"Oleh itu (Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas) akan terus dikekalkan," kata beliau.

Sebelum merasmikan mesyuarat perwakilan Gerakan itu Dr Mahathir telah membincangkan perkara itu dengan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Koh Tsu Koon di Jabatan Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata NRRIA akan dihubungkan dengan Pulau Pinang dengan lebuh raya.

"Satu jalan raya akan dibina dari Pulau Pinang ke lapangan terbang baru itu dan masa perjalanan tidaklah lama. Masa perjalanan lebih kurang sama seperti dari Georgetown ke Bayan Lepas," kata beliau.

Dr Mahathir berkata untuk memudahkan dagangan dan perjalanan antara lapangan terbang itu dengan Pulau Pinang, sebuah jambatan akan dibina bagi menghubungkan lapangan terbang itu dengan kawasan-kawasan perusahaan di Pulau Pinang.

Ditanya berkaitan ulasan seorang ahli ekonomi yang mendakwa pembinaan jambatan itu "tidak begitu berkesan dari segi ekonomi" Dr Mahathir berkata,

"Ahli ekonomi memang bijak. Saya hendak tanya ahli ekonomi tersebut berapa banyak negara yang telah diuruskannya. Kita telah menguruskan negara ini dengan baik. Kita bukan bodoh untuk membina tiga lapangan terbang dalam satu tempat."

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata pihak pembangkang akan cuba mempolitikkan projek lapangan terbang itu.

"Sudah tentu pihak pembangkang akan cuba menggunakan isu ini sepenuhnya. Tetapi saya berpendapat rakyat Pulau Pinang sudah cukup matang dalam perkara ini," kata beliau.

Bagaimanapun pembinaan NRRIA harus dilaksanakan kerana perkhidmatannya diperlukan oleh negeri-negeri yang terletak di kawasan utara, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata projek NRRIA akan dimulakan setelah kajian penilaian alam sekitar selesai.

Dr Koh berkata dia gembira mendengar berita daripada Perdana Menteri sendiri bahawa lapangan terbang Bayan Lepas akan terus dikekalkan.

Bercakap kepada pemberita di mesyuarat perwakilan Gerakan di sini hari ini, Dr Koh berkata Dr Mahathir telah menjelaskan kepada beliau bahawa

Lapangan Terbang Bayan Lepas akan dikekalkan kerana terdapat permintaan untuk perkhidmatan kargo dan penumpang di situ.

"Permintaan akan terus wujud. Kita akan mengawasi keadaan dan saya percaya terdapat permintaan yang mencukupi.

"Oleh itu, tidak terdapat kebimbangan bahawa lapangan terbang itu akan ditutup esok. Tiada sebab untuk berasa bimbang," kata beliau.--BERNAMA

ES RI